



NAJIB Razak menafikan wang RM114 juta yang ditemukan di kondominium miliknya adalah aset peribadinya. - UTUSAN/AMIR KHALID

Wang RM114j dalam kondominium bukan milik saya - Najib

Oleh SUWARNI MOKHTAR
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menafikan bahawa wang RM114 juta yang ditemukan di kondominium miliknya adalah aset peribadinya, sebaliknya mendakwa wang tersebut merupakan duit parti UMNO yang diamanahkan kepadanya untuk kegunaan Pilihan Raya Umum ke-14.

Tambahnya, status pemilikan wang berkenaan juga telah disahkan oleh peguam parti berkenaan dalam prosiding pelucutan hak wang tersebut dan dalam laporan polis yang dibuat sehari selepas pihak berkuasa

menyerbu kondominiumnya di Pavilion Residences di sini.

“Presiden semasa UMNO (Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi) yang juga merupakan Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah mengesahkan melalui satu affidavit pada masa material dalam prosiding yang dinyatakan di atas bahawa RM114 juta tersebut adalah milik UMNO dan bukan milik saya.

“Setelah permohonan Pendakwa Raya tersebut ditolak, tiada perintah telah diletakkan berhubung ke manakah wang RM114 juta tersebut harus dikembalikan, dan oleh itu, pihak-pihak berkuasa hanya dikehendaki untuk mengembalikan wang tersebut ke tempat

di mana ia ditemukan iaitu di kondominium saya,” kata Najib.

Selain itu, Najib menyatakan tindakannya tidak menyenaraikan kenderaan mewah jenis Range Rover dengan nombor pendaftaran JSM1 yang dihadiahkan oleh Sultan Johor kepadanya adalah sesuatu yang tidak disengajakan.

Najib berkata demikian dalam affidavit balasan bagi menjawab affidavit tambahan yang difailkan Pengerusi Malaysia Development Bhd. (MADB), Datuk Johan Mahmood yang mendakwa bekas Ahli Parlimen Pekan itu tidak mengisytiharkan kesemua asetnya sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah Tinggi di sini semalam.